

W A C A N A

PROFES

*Pemantapan Perkembangan
Pendidikan Melalui Budaya Penyelidikan*



BILANGAN 8 2008

ISSN 1675 - 669X

Dayang Azizah bte Mohd Salleh

Penilaian Berasaskan Sekolah Memperkasa
Sistem Penilaian Pelajar

Dr. Ahi Sarok dan Munded Bandat

Persepsi Ibu Bapa Masyarakat Bidayah Terhadap
Program Pendidikan Prasekolah: Satu Kajian Kes
Di Bahagian Kuching Sarawak

***Prof. Madya Dr. Hong Kian Sam, Tan Kock Wah
and Ting Lang Ngiik***

Assessing Statistical Reasoning of Pre-service Teachers

Dr. Mary Wong Siew Lian

Anxiety, Self-Efficacy, and Motivation in Learning English:
Exploring the Interrelationships among Form 2 Students

Dr. Azman Ismail, Suaidi Otek dan Dr. Hasbee Usop

Kaitan Di Antara Program Mentoring Dan Pembangunan Pelajar:
Satu Pengalaman Di Sebuah Universiti Awam

***Prof. Madya Dr. Norsiah Fauzan, Jamilah binti Tahir, Jenny Alexious Chin
Justin Lanak Junior dan Liew Voon Hong***

Tinjauan Penubuhan Majlis Guru Di Sarawak Bagi Meningkatkan Profesionalisme Perguruan

Dr. Dzulkiflee Abdullah

Selection, Recruitment, Training, and Development of Teachers

***Noni Harianti Binti Junaidi, Badron Hj Abdul Manaf
dan Arenawati Sehat Binti Omar***

Amalan buang 'peraja': Menyingkap di sebalik kepercayaan masyarakat
Melayu pesisir negeri Sarawak dan kesannya dalam pendidikan moral dan kerohanian

Tinjauan Penubuhan Majlis Guru Di Sarawak Bagi Meningkatkan Profesionalisme Perguruan

Oleh

Prof. Madya Dr. Norsiah Fauzan (FSKPM, UNIMAS)

Jamilah binti Tahir (JPN),

Jenny Alexious Chin (JPN)

Justin Lanak Junior (JPN)

Liew Voon Hong (JPN)

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk melaporkan tinjauan tentang cadangan untuk penubuhan Majlis Guru di Malaysia. Cadangan ini didahului dengan kajian perpustakaan dan diikuti dengan survei serta temubual di beberapa buah institusi dan pertubuhan yang berkaitan dengan Guru dan Pendidikan di negeri Sarawak. Data-data yang diperolehi melalui tinjauan ini adalah melalui borang soal selidik dan temubual. Tinjauan penubuhan Majlis Guru telah dijalankan dari bulan Disember 2004 hingga Februari 2005 di kalangan pelajar-pelajar PKPG dari Program Biologi Sumber, Kimia Sumber, Teknologi Maklumat (IT), ESL di UNIMAS, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak Unit Perjawatan Khas, Maktab Perguruan Tun Abdul Razak dan Pejabat Kesatuan Guru Sarawak (STU). Pegawai Unit Perjawatan Khas, Ketua Jabatan Sains dan Matematik, Temubual turut dijalankan dengan Pegawai Eksekutif Kesatuan Guru Sarawak (STU) dan Presiden Kesatuan Guru Sarawak (STU). Objektif tinjauan ini adalah untuk mendapatkan maklum balas terhadap penubuhan Majlis Guru di Sarawak dan menentukan kepentingan Majlis Guru ditubuhkan untuk meningkatkan profesion perguruan. Soalan-soalan yang diajukan adalah berpandukan kepada kefahaman, keperluan, peranan atau kepentingan, kebaikan dan keburukan terhadap penubuhan Majlis Guru. Hasil tinjauan mendapati bahawa 82 % daripada responden bersetuju dengan penubuhan Majlis Guru di Sarawak akan melindungi hak-hak dan kebajikan guru untuk meningkatkan profesionalisme perguruan ke arah kerjaya yang setaraf dengan bidang-bidang profesional yang diiktiraf.

Kata kunci : Tinjauan, penubuhan, Majlis Guru, profesionalisme perguruan, hak-hak dan kebajikan.